



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
TINGKAT 1, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada RAKYAT DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan beragama Islam yang berkelayakan, untuk memohon kekosongan jawatan di Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi jawatan berikut –

BIL	JAWATAN	GREDD / TARAF JAWATAN	KLASIFIKASI	JADUAL GAJI (RM)	RINGKASAN BIDANG TUGAS
1.	Pegawai Tadbir	<i>N41/44 (Tetap / Kontrak)</i>	Pengurusan dan Profesional	Minimum – 2,080.00 Maksimum – 9,546.00	<ol style="list-style-type: none"> 1. Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan wilayah / daerah / tempatan / tanah, perancangan dan pentadbiran sosial. 2. Bertanggungjawab melaksanakan aktiviti / promosi dan agihan zakat dikalangan umat islam di pelbagai peringkat. 3. Menjalankan penyelidikan dengan matlamat untuk memajukan dan mencadangkan strategi perancangan dan dasar-dasar ekonomi yang optima bagi tanah-tanah wakaf dan Baitulmal Majlis. 4. Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan, meliputi melaksanakan analisis laporan kewangan serta fungsi perbendaharaan.
2.	Pemandu Kenderaan	<i>H11/14 (Tetap / Kontrak)</i>	Perkhidmatan Kemahiran	Minimum – 1,218.00 Maksimum – 2,939.00	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan memerlukan lesen memandu yang sah daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. 2. Menjaga kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih, siap

					sedia dan selamat untuk dipandu. Antara kenderaan bagi perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori dan van jenazah.
--	--	--	--	--	---

2. HAD UMUR

- 2.1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup.
- 2.2. Warganegara Malaysia yang beragama Islam.
- 2.3. **Keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.**
- 2.4. **Bersedia untuk bekerjasama dalam menyampaikan misi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), komited dan bertanggungjawab dalam apa jua tugas yang diberikan.**

3. SYARAT-SYARAT LANTIKAN

3.1 Pegawai Tadbir Gred N41/44 (Tetap / Kontrak)

- i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya: [Gaji Permulaan pada Gred N41 ialah RM2,080.00]; atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [Gaji Permulaan pada Gred N41 ialah RM2,283.00]; dan
- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.2 Pemandu Kenderaan Gred H11/14 (Tetap / Kontrak)

- i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- ii) **Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I/GDL dan PSV** yang dikeluarkan oleh Jabatan pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini;

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM1,402.60

- iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

4.1 Pegawai Tadbir Gred N41/44 (Tetap)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas ;dan
- (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi berumur pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. CARA MEMOHON

- 5.1. Pemohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan untuk Jawatan Dalam Perkhidmatan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK-BKP-P01/B01) yang boleh didapati melalui laman web <https://www.maiamp.gov.my> atau dengan mengambil sendiri di kaunter Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.
- 5.2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan **gambar berukuran pasport, resume, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, lesen memandu, sijil berhenti sekolah, salinan diploma/sijil Politeknik/sijil ikhtisas dan dokumen-dokumen lain berkaitan yang telah disahkan.**
- 5.3. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar sebelum atau pada **16 November 2020 (Isnin)** ke alamat berikut –
 - Ketua Pegawai Eksekutif**
 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**
 - Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan**
 - Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab**
 - 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**
 - (u.p.: Bahagian Khidmat Pengurusan, Sub-Unit Perjawatan)**
- 5.4. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- 5.5. Permohonan-permohonan yang tidak memberi keterangan lengkap di dalam borang yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.
- 5.6. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- 5.7. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.